
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Institut ASTIN / Kolej Teknologi Pulau

Peperiksaan Akhir, Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari / Mac 2003

Program Ijazah Luaran
Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

YKT 111 – TEORI DAN PENYELIDIKAN KOMUNIKASI 1

Masa : 3 jam

Arahan Kepada Calon:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

- 2 -

1. Tuliskan nota ringkas untuk yang berikut. Pilih tiga daripada lima.
 - i) Paradigma
 - ii) Fungsionalisme
 - iii) Hegemoni
 - iv) Ideologi
 - v) 'Empiricism'
2. Dalam kajian yang dijalankan di Erie County pada tahun 1940, Lazarsfeld dan rakan-rakannya mendapati bahawa pengaruh media ke atas audiens tidak berlaku secara terus tetapi melalui satu proses saringan. Terangkan proses ini dan dalam aspek apakah kajian ini berbeza dengan kajian *Nationwide Audience* yang dijalankan oleh David Morley (1980).
3. Proses pembangunan yang disarankan oleh teori modenisasi mengenepikan faktor-faktor sejarah dan tidak menilai secara menyeluruh struktur sosial masyarakat di negara-negara Dunia Ketiga. Nilaikan implikasi pendekatan ini dalam menganalisiskan media dalam sistem sosial dan politik di negara membangun.
4. Merujuk kepada artikel Tony Bennett (1980), "Theories of the Media and Theories of Society," huraikan pengaruh teori awal tentang masyarakat dan nilaikan pengaruhnya ke atas pemikiran tentang komunikasi.
5. Dengan merujuk kepada artikel Mustafa Kamal Anuar (1992) huraikan faktor-faktor pokok yang boleh menggalakkan penyelidikan komunikasi yang bermutu.

- ooo O ooo-